

Rahsia Rohaya menangi peraduan esei

- 3 APR 1979

MENGENEMUKAKAN nasihat yang baik mengikut pengajaran Islam — itulah tujuan Cik Rohaya Muhamad Buang, berusia 17 tahun, ketika dia mengambil keputusan untuk menyertai satu peraduan menulis esei, bertajuk 'Islam Sebagai Konsep Hidup'.

Harapan dan tujuan murninya itu tercapai jua bila ia telah memenangi tempat pertama dalam peraduan untuk peserta-peserta antara 16 hingga 21 tahun (bahagian C), anjuran Persatuan Islam dan Pencak Silat Singapura.

Hadiah yang dimenangi oleh Cik Rohaya, seorang pelajar menengah empat di madrasah tersebut, ialah wang \$100. Tempat kedua telah dimenangi oleh Cik Ruhaidah Munir dan ketiga, Encik Ibrahim Ahmad.

Bahagian B

Untuk peserta-peserta di antara 12 hingga 15 tahun (bahagian B) pula, tajuk esei mereka ialah 'Perjuangan Saiyidina Abu Bakar Dalam Mempertahankan Islam'. Pemenang-pemenangnya ialah pertama, Jaiza Daud, kedua, Siti Masainah Mahadi dan ketiga, Sharifah Rugayah S. Mohd.

Sementara untuk peserta-peserta di bawah 12 tahun (bahagian A), terdiri dari pemenang pertama, Radhiah Ramli, kedua Nuraida Abu Naim dan ketiga, Khadijah Ahmad. Tajuk esei mereka ialah 'Kehidupan Rasulullah Sebelum Menjadi Nabi'.

Semua pemenang pertama dalam tiap bahagian itu telah menerima hadiah \$100, kedua, \$50 dan ketiga \$25. Pemenang-pemenang saguhati dalam bahagian-bahagian tersebut telah menerima hadiah \$10 seorang.

Pasak giat bukukan silat gayung

- 3 APR 1979

1. Pasak silat

USAHA-USAHA yang dijalankan oleh Perkumpulan Anak-Anak Sandiwara Angkatan Kesenian (Pasak) untuk membukukan seni silat gayung hampir selesai dan "besar kemungkinan buku silat ini akan dapat dikeluarkan tidak lama lagi".

Menurut setiausaha agungnya, Encik Ariff Zahari, semua bahan-bahan mengenai seni silat telahpun diperolehi dan kini proses untuk membukukan sedang giat dijalankan.

"Apa yang kami sedang fikirkan sekarang ialah bagaimana bentuk buku ini — sama ada ia akan merupakan bentuk buku ataupun risalah saja.

Rundingan

"Kami juga sedang memikirkan mengenai pengedaran buku itu iaitu sama ada untuk para ahli saja ataupun juga untuk bacaan orangramai," dia menerangkan.

Keputusan mengenai bentuk buku itu akan dibuat selepas Pasak mengadakan rundingan lanjut dengan Persekutuan Seni Silat Singapura (Persisi).

Mengenai kandungannya, Encik Ariff menerangkan bahawa ia akan mengisi antara lain mengenai sejarah dan perkembangan seni silat gayung yang bermula di Singapura dan terus ke rantau sebelah sini.

Ia juga akan mene-

rangkan mengenai adat istiadat seni silat itu, seperti adat-adat turun gelanggang, senjata yang digunakan dan sebagainya.

Mungkin yang terpenting dalam buku ini ialah sukatan pelajaran untuk seni silat gayung.

Pelajaran

Encik Ariff menarik perhatian bahawa tujuan utama pembukuan silat gayung adalah untuk menjadi panduan kepada "mereka yang mempelajari seni silat

gayung" agar pelajaran yang disampaikan tidak berbeza.

Dia menjelaskan bahawa sungguhpun sistem pelajaran dan sukatan yang diajarkan antara satu tempat dengan tempat yang lain mengenai silat ini tidak mempunyai perbezaan, tetapi terdapat sedikit perbezaan mengenai jangkamasa sesuatu pelajaran itu.

"Dan dengan adanya buku ini nanti, kami berharap perkara tersebut dapat disamakan," katanya.